



PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Perak
Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Pari Off Jalan Tun Abdul Razak,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

No. Telefon : 05-5018400 (Am)

No. Faks : 05-5018540 (KHS)
05-5018522 (Am)

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 ()

Tarikh : 26 Rejab 1443H

28 Februari 2021M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 1 Tahun 2022

Penerimaan dan Penguatkuasaan Arahan Amalan
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
Tahun 2021

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 11 dan 12 Februari 2022 dan selaras dengan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan bagi pemakaian dan penguatkuasaan Arahan Amalan JKSM tahun 2021 seperti berikut:

BIL	NO.ARAHAN AMALAN	TAJUK ARAHAN AMALAN	CATATAN
1.	1/2021	Pindaan Arahan Amalan No.2 Tahun 2014: Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman	Diterima
2.	2/2021	Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Mal Di Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh.	Ditolak
3.	3/2021	Tatacara Pengendalian Prosiding Kes Di Mahkamah Syariah Selepas Perpindahan Keluar Hakim Bicara	Diterima
4.	4/2021	Garis Panduan Permohonan Dan Pelaksanaan Penyampaian Tindakan Bersaling Bagi Perintah Dan Penghakiman Dalam Kes <i>Mal</i>	Diterima dengan pindaan terhadap Borang C dan D untuk memasukkan pemakaian kepada Mahkamah Utama Syariah .
5.	5/2021	Tatacara Penyerahan Perintah Berkaitan Dengan Kes <i>Mal</i> Kepada Pihak Yang Bertanggungjawab Melaksanakan Perintah Tanpa Kehadiran Atau Tidak Diwakili (Ketika Perintah/ Penghakiman Diberikan Mahkamah) Bagi Tujuan Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah/Penghakiman	Diterima dengan penjelasan terhadap subperenggan (ii): <i>"Apabila suatu perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah dan diterima oleh orang yang mendapat manfaat daripada perintah tersebut itu, sesalinan perintah itu hendaklah diserahkan kepada pihak yang satu lagi dengan apa-apa bentuk penyampaian dengan syarat affidavit penyampaian tersebut dibuktikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah tersebut diterima"</i> adalah dikecualikan daripada keperluan pemakaian seksyen 238 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004 berkaitan memanjang atau memendekkan masa sekiranya penyampaian disempurnakan melebihi tempoh 14 hari. Akuan penerimaan perintah Mahkamah oleh orang yang mendapat manfaat daripada perintah tersebut itu adalah sebagaimana Borang A. Borang A perlu dikandungkan dalam fail kes.

6.	6/2021	Amalan Pengesahan Talaq Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah serta Penjelasan Keengganan Bersumpun (<i>Nukul</i>).	Diterima
7.	7/2021	Pemakluman Kepada Isteri/ Isteri-Isteri Sedia Ada Untuk Hadir Dalam Prosiding Permohonan Kebenaran Poligami Serta Permohonan Pengesahan Dan Pendaftaran Nikah Poligami	Diterima
8.	8/2021	Keperluan Penyelesaian Kes Harta Spencarian Terlebih Dahulu Sebelum Perbicaraan Kes Hibah, Wasiat Dan Pusaka Yang Melibatkan Harta Yang Sama Dan Pihak Yang Berkepentingan	Diterima
9.	10/2021	Penerimaan Nasihat Daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diwartakan Sebagai Pegawai Pelindung/ Pegawai Akhlak Atau Pakar Daripada Agensi Yang Berkaitan Sebelum Mahkamah Membuat Perintah Mengenai Jagaan (<i>Hadhanah</i>) Atau Nafkah Seorang Kanak-Kanak	Diterima
10.	11/2021	Tambahan Kod Dewan Mahkamah Syariah	Diterima
11.	12/2021	Garis Panduan Pengendalian <i>Wakalah</i> Peguam Syarie/ Afidavit Bagi Kes <i>Mal</i> Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh	Diterima dengan tambahan dalam <i>Garis Panduan Pengendalian Wakalah Peguam Syarie / Afidavit Bagi Kes Mal Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh</i> keperluan untuk pihak-pihak membekalkan salinan dokumen atau salinan dokumen-dokumen yang akan dirujuk oleh pihak-pihak semasa prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh tersebut sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah. Perenggan 45 hingga 49 Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Perak No.5 Tahun 2021 adalah dibatalkan
12.	9/2021	Garis Panduan Pengurusan Kes Tuntutan / Saman Penghutang Penghakiman Dan Notis Penghakiman	Ditolak

13.	13/2021	Penyerahan Notis Rayuan Dan Tempoh <i>Wakalah</i> Peguam Syarie Perayu/ Responden Bagi Kes Yang Dirayu Atau Disemak	Diterima dengan pindaan pada Tajuk perkataan "Perayu / Responden" ditukar kepada "Plaintif / Defendan dan Pemohon / Responden"
14.	14/2021	Pemakaian Format Perintah Faraid Bagi Kes Permohonan Pusaka Berlapis (<i>Al-Munasakhat</i>)	Diterima
15.	15/2021	Wang Deposit Rayuan Dan Serah Simpan Jaminan Bagi Kes Rayuan <i>Mal</i> Di Mahkamah Syariah	Diterima Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Perak No.8 Tahun 2021 adalah dibatalkan
16.	16/2021	Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian	Diterima

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2022.**



(HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR P.M.P, A.M.P)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

Borang A

Arahan Amalan JKSM No.5 Tahun 2021

AKUAN PENERIMAAN

PERINTAH / PENGHAKIMAN

MAHKAMAH *UTAMA / RAYUAN / TINGGI / RENDAH SYARIAH PERAK
(*potong mana yang berkenaan)

Bahawa saya :..... (Nama Penerima)

No Kad Pengenalan :.....mengakui telah menerima
satu salinan perintah / penghakiman bagi kes :.....

Pada :.....(tarikh) Jam:.....bertempat di
:.....

Tandatangan Penerima:.....